

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1993/94

April 1994

HMP 406 Analisis wacana

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI EMPAT [4] SOALAN DI DALAM EMPAT [4] MUKA SURAT.

Jawab SEMUA soalan.

1. Analisis petikan di bawah dari perspektif wacana.

(40%)

Katak memulakan hidupnya dalam air. Katak betina bertelur dalam musim bunga. Dia bertelur di atas batu-batu di dalam air-air yang cetek. Tiap-tiap telur kelihatan seakan biji-biji sagu yang berbintik perang di tengah-tengahnya.


Tidak berapa lama telur-telur itu pun menetas menjadi berudu. Pernahkah kamu menyimpan berudu? Jikalau kamu mendapat telur-telur katak dalam kolam simpanlah dengan cermat dalam tin-tin atau botol-botol besar yang berisi air kolam dan perhatikan perubahannya menjadi berudu.

Berudu adalah sangat kecil tetapi mereka dapat menjaga diri mereka sendiri. Mereka memakan tumbuh-tumbuhan air dan berenang dengan pantas.

Berudu bernafas melalui insang dan sangat cepat membesar dalam hanya beberapa minggu. Tidak lama kemudian tiap-tiap berudu ditumbuhi kaki-kaki belakang kemudian kaki-kaki depannya tumbuh pula. Semakin hari berudu membesar menjadi seekor katak. Ekornya bertambah pendek. Apabila ia bertukar menjadi seekor katak paru-parunya tumbuh untuk membolehkan ia bernafas.

Seekor katak yang besar boleh bertelur sehingga 8,000 biji. Tetapi hanya kira-kira 30 daripada jumlah ini dapat hidup membesar sehingga dewasa.

Lihat beberapa jenis katak ini.



Katak biasanya suka hidup berdekatan dengan kolam. Tetapi kadang-kadang kamu akan melihatnya berada jauh dari kawasan air. Warna badan katak yang gelap dapat melindungi dirinya di bawah-bawah batu tanpa dilihat. Banyak terdapat katak seperti ini di negara kita.

Katak paya adalah katak yang paling besar sekali. Ia mempunyai setompok kulit bulat di belakang matanya. Kulit ini menunjukkan tempat telinganya berada. Katak paya tinggal di kawasan-kawasan pedalaman yang berpaya dan lembap.

Katak pokok hidup di atas pokok-pokok dan semak-semak. Mereka dapat melekap pada dahan-dahan kayu kerana mempunyai pelekap pada jari-jari kakinya. Kebanyakan katak pokok kecil-kecil. Warna kulitnya hijau muda dan bertompok warna kelabu di belakangnya.

Katak kuak adalah jenis katak besar. Setengah katak kuak berwarna biru muda. Setengah-setengah jenis katak berwarna hijau, kuning, hitam, merah atau keemasan.

Katak gergasi yang hidup di Afrika dua kaki panjangnya. Katak lain -- seperti katak-katak kecil Amerika Selatan yang cukup dewasa adalah sangat kecil sehingga sama kecilnya dengan kuku jari manis kamu.

(Dipetik dari **Haiwan Amfibia Dan Reptilia**, Uni-text, Petaling Jaya; 1975).

2. Dengan memberi contoh-contoh kalimat yang munasabah dalam komunikasi lisan, perlihatkan dan bincangkan hal berikut:

(a) koheren tetapi tidak/kurang kohesif.

(b) kohesif tetapi tidak/kurang koheren.

(20%)

3. Cari kata-kata atau ungkapan yang bertugas sebagai penanda wacana dalam petikan di bawah, dan huraikan fungsinya dalam wacana ini.

(20%)

Kakitangan kontrak kesal tidak dapat bonus

Saudara Pengarang,

BARU-BARU ini semua kakitangan tetap kerajaan merasai durian runtuh apabila mendapat bonus setengah bulan gaji. Mereka sepatutnya merasa bangga dan bersyukur kerana kerajaan menghargai titik peluh mereka.

Bagaimanapun kami kakitangan separa kerajaan (SIRIM, PORIM, MARDI, LPP) di bawah skim kontrak merasa seperti dianaktirikan. Apakah khidmat kami selama ini tidak setara dengan kakitangan kerajaan yang lain sehingga kami tidak diambil kira untuk diberikan ganjaran seperti pekerja tetap yang lain?

Untuk pengetahuan, mengikut surat perjanjian kontrak kami, kami

layak untuk mendapat apa jua ganjaran yang didapati oleh kakitangan tetap kerajaan. Malah di dalam surat tersebut juga ada menyatakan bahawa kami juga berhak mendapat ganjaran sebanyak 17.5 peratus daripada gaji terakhir yang diterima bagi tiap-tiap bulan genap perkhidmatan dengan syarat menyempurnakan kontrak dengan memuaskan.

Saya rasa jika apa yang tercatat dalam surat perjanjian kontrak itu tidak dapat ditepati, tidak perlulah diadakan perjanjian.

Akhir sekali saya berharap pihak tertentu terutama Jabatan Perkhidmatan Awam dapat memberi penjelasan terhadap kesangsian kami ini. — PEKERJA KONTRAK, Kajang, Selangor.

Dipetik dari **Utusan Malaysia**, 13 Januari 1994.

.../4

4. SAMA ADA

- (a) Kata partikel 'pun' membawa fungsi yang berbagai-bagai dalam wacana lisan dn bertulis. Bincangkan. Di akhir perbincangan, apakah agaknya kesimpulan umum yang anda boleh perkatakan tentang kuasa 'pun' dalam wacana bahasa Melayu.

(20%)

ATAU

- (b) Huraikan motivasi penggunaan beberapa partikel atau ungkapan pilihan anda dalam konteks komunikasi lisan dan bertulis dalam wacana bahasa Melayu.

(20%)

-oooOOooo-